

PM: Keganasan jejas kemasukan pelaburan

UM 19 OCT 2002

Daripada
OTHMAN MOHAMAD

NEW DELHI 18 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan aktiviti keganasan di rantau Asia Tenggara mendatangkan kesan kepada wilayah itu memandangkan pengganas 'tidak menentukan tempat yang akan diserang selepas ini'.

"Jadi, saya percaya kemasukan pelaburan luar ke wilayah ini akan berkurangan sedikit," katanya ditanya setakat mana kesan tragedi di Bali dan di Zamboanga, Filipina

terhadap iklim pelaburan di rantau Asia Tenggara pada sidang akhbar di akhir lawatan kerja tiga hari ke India di sini hari ini.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri Malaysia mempunyai reputasi cemerlang dalam menangani isu keganasan, malahan langkah-langkah segera dan awal telah pun dilakukan dengan berkesan bagi menyekat aktiviti sedemikian.

"Masa telah menunjukkan Malaysia sebuah negara yang selamat dan stabil. Malaysia juga telah pun memberi penekanan kepada pelaburan da-

lam negara untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan.

"Oleh itu bagi Malaysia, tidak akan mengalami banyak kesan daripada kebimbangan terhadap serangan pengganas," jelas beliau lagi.

Bagi Perdana Menteri, apa yang cukup penting ialah kerjasama antara negara-negara serantau seperti dalam ASEAN yang boleh dipertingkatkan dalam menangani masalah-masalah yang dihadapi bersama.

Mengenai rancangan Amerika Syarikat (AS) dan Britain untuk menye-

rang Iraq, Dr. Mahathir mengulangi pendirian Malaysia yang menentang usaha itu lebih-lebih lagi ia dibuat tanpa persetujuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Serangan seperti itu hanya akan memburukkan keadaan dan rakyat Iraq akan terus menderita," katanya sambil menyatakan Malaysia tidak bersendirian dalam menegakkan pendirian tersebut.

Bagi setiap masalah antarabangsa seperti isu Iraq, tindakan yang sewajarnya diambil ialah secara multilateral (pelbagai

pihak), bukannya secara unilateral atau menerusi satu pihak sahaja.

Ia pula perlu mendapat perakuan PBB, katanya.

Dalam pada itu menurut Dr. Mahathir, semua pihak termasuklah melalui pertubuhan seperti Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) juga perlu terus mendesak dan terus membantah amalan hegemoni yang wujud sekarang.

"Negara yang merdeka perlu dibenarkan mengurus sendiri hal ehwal dalam negara mereka. Usaha ke arah itu perlu diteruskan," jelas beliau.